

17 JANUARI 2018

Lelaki sorok dadah dalam seluar dalam

Kuala Terengganu

Lelaki sorok dadah dalam seluar dalam

Tindakan seorang penganggur menyembunyikan dadah dalam seluar dalam dipakainya gagal apabila bahan terlarang itu ditemui ketika pemeriksaan polis di depan sebuah rumah di Kampung Jeram, Manir di sini, Ahad lalu.

Selain menemui 52 pil merah dalam seluar dalam dipakai suspek berusia 21 tahun itu, polis turut menemui serbuk atau ketulan kristal dipercayai dadah disembunyikan di bawah tempat duduk motosikal ketika Op Tapis, jam 2.20 petang.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu Asisten Komisioner Idris Abd Rafar berkata, pemeriksaan itu dilakukan hasil maklumat orang awam mengenai aktiviti pengedaran dadah

di kawasan berkenaan sebelum menahan suspek yang berada di atas motosikal di depan sebuah rumah.

Menurutnya, hasil pemeriksaan terhadap suspek, polis menemui beg kecil berzip dalam seluar dalam dipakai mengandungi enam tiub penyedut minuman berisi pil merah disyaki dadah.

Katanya, pemeriksaan lanjut menemui dua kotak rokok dan satu peket plastik biru di bawah tempat duduk motosikal mengandungi pil merah serta serbuk atau ketulan kristal disyaki dadah.

Beliau berkata, polis turut menahan seorang lelaki berusia 18 tahun bersama pil kuda dalam operasi sama di sebuah rumah di Kampung Tebauk di sini, jam 2 petang.